

Headline	Tangan khianat bikin hutan punah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	55	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	538 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fairul	AdValue	RM 21,194
Frequency	Daily	PR Value	RM 63,582



# Tangan khianat bikin hutan punah

## ■ Kampus FRIM ketat peraturan berikutan banyak kerosakan angkara pengunjung

**Fairul Asmaini Mohd Pilus**  
asmaini@hmetro.com.my  
**Kuala Lumpur**

**A**da pengunjung ke kawasan kampus Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, dekat sini, melanggar peraturan dengan mematahkan tumbuhan untuk membuat denai laluan sendiri, merosakkan harta benda dan membawa pulang tumbuhan tanpa kebenaran.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, masalah itu semakin ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini hingga memaksa pihak pengurusan mengetatkan peraturan kemasukan pelawat.

Kata beliau, kawasan itu bukan taman awam sebaliknya ia kampus penyelidikan hutan tropika buatan manusia terbesar di dunia dan mempunyai ratusan spesies tumbuhan ber-

usia hampir 100 tahun.

Menurutnya, kawasan kampus seluas 544 hektar ini juga memiliki 72 spesies pokok terancam dan perlu dilindungi untuk memastikan ekosistem tumbuhan di kawasan berkenaan kekal terpelihara.

“Kami mengetatkan peraturan kemasukan pengunjung harian dan memberi tumpuan kepada pelawat yang mempunyai tujuan pendidikan alam sekitar saja.

“Ini kerana FRIM bukan mengutamakan jumlah kehadiran pengunjung yang ramai semata-mata sebaliknya mahukan pelawat yang benar-benar menghargai dan menyintai alam sekitar saja,” katanya.

Menurut Dr Abd Latif, bagi tujuan pemuliharaan dan

membalik pulih denai laluan, Denai Rover sejauh hampir empat kilometer ditutup sementara.

Ini kerana ada pengunjung yang tidak bertanggungjawab sengaja merosakkan tumbuhan dan pokok di laluan berkenaan, selain membawa keluar tumbuhan seperti pokok periuk kera tanpa kebenaran pihak institut terbabit.

“Perbuatan tidak bermoral itu perlu dihentikan kerana jika ditangkap, pengunjung yang mencero boh kawasan larangan boleh didakwa mengikut Rang Undang-Undang FRIM, Akta Perhutanan Negara maupun Akta Warisan Kebangsaan,” katanya.

Dalam pada itu, Dr Abd Latif menegaskan pengunjung sama ada berjalan atau menunggang basikal perlu

mengikut peraturan dan tidak dibenarkan masuk ke kawasan denai alam tanpa jurupandu FRIM.

“Ada kes apabila pengunjung yang masuk untuk ‘berjoging’ sesat dua hari di dalam hutan ini kerana tidak mengikut peraturan selain membuat laluan pendakian sendiri.


“Kita tidak mahu perkara itu berulang kerana ia bukan saja menjejaskan keselamatan pengunjung malah pada masa sama memberi banyak masalah kepada FRIM terutama membabitkan aspek pemuliharaan,” katanya.

Sementara itu, Dr Abd Latif berkata, titian gantung kanopi yang ditutup kerana rosak akibat ditimpa pokok sejak Oktober lalu akan dibuka tidak lama lagi.

Begitupun, atas faktor kesejahteraan dan kesihatan pokok, jumlah pengunjung ke titian gantung itu dihadkan kepada 60 pelawat saja sehari berbanding 250 sebelum ini.




Headline	Tangan khianat bikin hutan punah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	55	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	538 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fairul	AdValue	RM 21,194
Frequency	Daily	PR Value	RM 63,582



**PENGUNJUNG sama ada berjalan atau menunggang basikal perlu mengikut peraturan dan tidak dibenarkan masuk ke kawasan denai alam tanpa jurupandu FRIM.**

Headline	Tangan khianat bikin hutan punah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	55	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	538 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fairul	AdValue	RM 21,194
Frequency	Daily	PR Value	RM 63,582



**DENAI Rover sejauh hampir empat kilometer ditutup sementara untuk kerja baik pulih.**